

# (NABI BAHARU) MUNCUL PULA DI MESIR

## INSAFLAH ...! JIKA MAHU INSAF

Dalam Majalah Qalam bilangan 13 kita telah meriwayatkan suatu riwayat yang dikatakan pengakuan seorang sehingga mendapat gelar “Nabi Baharu” dan sekarang seorang peguam di Mesir telah mengaku menjadi “Nabi Baharu” – di dalam mana semua kejadian-kejadian ini adalah patut menjadi perhatian tiap-tiap seorang kita dan tiap-tiap sendi masyarakat kita supaya bercermat dan jangan bertaklid buta kepada sesuatu supaya nanti jangan pula ada orang-orang kita datang menepuk dada dengan berkata: “Aku Nabi Baharu” – pada hal tidak ada Nabi yang dibangkitkan sesudahnya junjungan kita Nabi Muhammad SAW yang membawa syariat yang sesuai dengan keadaan dan kedudukan masa dan tidak berhajat kepada Perubahan walau sebesar zarah pun.

### “AKU RASUL”

Pada bulan yang lalu seorang peguam di Mesir bernama “Muhammad Abdul Latif Nasr” telah menghantarkan sepucuk surat kepada kesatuannya (Kesatuan Peguam Mesir) menyatakan bahawa dia telah menceraikan jawatan peguam dengan talak tiga!

Sikapnya yang demikian tidak begitu menimbulkan pelik, tetapi yang telah menggemparkan penduduk Mesir ialah pengakuannya menjadi “Rasulullah!”

-----\*-----\*-----

Kami telah tiba di pekan “Abu Kabir” – kata wakil Al-Musawwir yang telah dihantarkan ke sana oleh ibu pejabatnya menyasat berita itu dengan lebih lanjut – dan manakala saya bertanya kepada salah seorang daripada orang-orang yang lalu lalang di situ dari hal peguam “Muhammad Abdul Latif Nasr” yang mengaku Nabi maka tiap-tiap seorang yang telah mendengar pertanyaan saya itu telah sanggup hendak membawa saya ke rumahnya. ia memang dikenali oleh kesemua penduduk pekan itu bahkan oleh seluruh penduduk wilayah itu – Mudiriyah al-Sharqiyyah.

Dengan melalui beberapa jalan dan lorong tibalah kami ke rumah Nabi baharu itu, kedatangan kami telah disambut oleh saudaranya “Mansur Abdul Latif”. Ia menerangkan bahawa saudaranya tidak mendakwa dirinya sebagai

Nabi tetapi seorang penyeru yang menghendaki orang ramai berpegang kuat kepada agama. Mansur mengatakan lagi, bahawa saudaranya itu akal nya sempurna kerana dia seorang peguam yang berjaya bahkan sembilan puluh peratus perkara-perkara (kes) penduduk pekan “Abu Kabir” itu ada di dalam tangannya.

Suatu Paluan Yang Hebat

Setelah terdiam sejeurus maka Mansur berkata lagi:

- Ayah saya dahulu mempunyai dua ratus ekar tanah dan harta yang banyak ... sekaliannya itu telah habis punah disebabkan angkara beberapa orang daripada kaum kerabat kami, tetapi rahsia ini tidak kami mengetahuinya melainkan setelah harta itu habis licin sebelum ayah kami meninggal dunia. kejadian ini sesungguhnya telah menjadi “suatu paluan yang hebat” dan saya percaya segala kelakukan saudara saya yang luar biasa itu ialah kesan daripada paluan yang pahit itu.

Seketika kemudian masuklah “Nabi Baharu” itu, dengan memakai sehelai baju gamis putih, bercermin mata dan memegang suatu belantan, lalu dia mengalu-alu kami sambil berkata:

“Selamat datang orang surat khabar, tuan-tuan sekarang sedang berada di rumah Rasulullah! Seruan yang saya anjurkan ini

RASULULLAH

MUHAMMAD ABDUL LATIF NASR  
AL-MUHAMI

ABU KABIR

143. T

*Sekeping kad yang tertulis di atas nama "Rasulullah"*

*Muhammad Abdul Latif Nasr – Peguam*

ialah seruan al-Quran, barangsiapa beriman dengannya maka terselamatlah ia daripada binasa, dan barangsiapa yang ingkar akan dia maka celaka dan bala bencana akan menimpa!

Bagaimana mulanya tuan mendapat jawatan ini?

Bertanya saya kepadanya.

Jawabnya: Pada suatu hari saya telah bangun daripada tidur setelah saya bermimpi yang telah menjadikan saya penuh dengan harapan dan perasaan tenang. Saya lihat tangan kanan saya tertlukis (terpahat) suatu panji-panji di atas kuku saya, manakala kukuk pada tangan kiri saya pula terpahat kalimah "Allah". pada petangnya saya telah menerima wahyu, Tuhan telah khabarkan bahawa saya telah dipilihnya menjadi Rasulnya yang memerangi segala kejahatan, dan menyeru orang ramai memerangi segala fitnah-fitnah dan dosa-dosa.

Berpucuk-pucuk Surat

Bertanya saya lagi: Apa yang tuan sudah lakukan semenjak tuan menjadi Rasul? Ia menjawab:

- Setelah saya mendapat kemuliaan menyandang jawatan yang besar itu, saya pun mengutus surat-surat rasmi kepada segala penganjur-penganjur, menteri-menteri dan pembesar-pembesar negeri, saya telah nyatakan bahawa saya telah diutus oleh Allah dan saya mengajak sekalian mengaku beriman kepada saya. Saya telah mengutus surat-surat kepada al-Nahas Basha, Hussain Sari Basha, Hussain Haikal Basha, Makram Abid Basha, dan kepada tiap-tiap seorang yang bertanggungjawab dalam negeri ini, tetapi saya tidak menerima jawapan daripada sekalian! Ada tak ada saya telah membaca di dalam akhbar penjelasan Abdul Rahman Azzam Basha mengatakan bahawa seorang "Gila" di pekan

"Abu Kabir" telah menghantarkan sepucuk surat kepada al-Jami'ah

Al-'Arabiyyah (Lembaga Arab) menyatakan bahawa Allah telah memilihnya menjadi RasulNya!

- Kenapa tuan tidak membalas keterangan Azzam Basha tersebut?

- Kalau saya melakukan yang demikian bermakna tidak layak saya menjadi seorang Nabi kerana layanan saya kepada bidasan-bidasan orang akan melalaikan saya daripada kewajipan seorang Rasulullah yang besar itu.

Telegram-Telegram Mempapakan Saya

Ia telah membuka lacinya lalu dikeluarkannya lebih daripada dua ratus resit-resit bayaran telegram yang telah dihantarkannya kepada segala pembesar-pembesar negeri, sambil berkata:

"Jabatan Telegraf telah mempapakan saya! Pejabat itu telah menyedut wang saya beratus-ratus pound, yang sepatutnya dia tidak mengambil daripada saya sesuatu bayaran pun!

Adakah sesiapa yang telah beriman dengan tuan? Tanya saya lagi.

Ia pun mengambil sebuah beg yang terletak di penjuru bilik itu lalu dibuka dan dikeluarkannya surat-surat yang ada di dalamnya sambil berkata:



*Inilah wajah Nabi baharu peguam Muhammad Abdul Latif Nasr yang telah menggemparkan Mesir baharu-baharu ini.*

- Sekalian orang-orang yang empunya surat ini telah beriman ... setengah daripada mereka telah meminta saya melantik mereka menjadi khalifah-khalifah saya ... tetapi saya tidak sanggup melantik sesiapa pun melainkan setelah saya menyiasat dan berpuas tentang akhlaknya!

Mukjizat Nabi!

- Surat-surat yang demikian banyaknya, tidakkah ada di antaranya sepucuk surat yang ganjil? Tanya saya lagi.

Ya telah ketawa lalu berkata:

- Kita adalah suatu bangsa yang gemar berseloroh (bersenda) walaupun kita di dalam kedudukan yang terlalu genting! Walaupun pada ketika berada di dalam bahaya dan penderitaan. Seorang yang tidak saya kenal telah menghantarkan kepada saya sepucuk surat mengatakan kasutnya telah dicuri orang di masjid, dan ia meminta supaya saya menunjukkan dia si pencuri itu, kerana katanya kesemua Nabi ada melakukan mukjizat (perbuatan yang luar biasa). Ia telah berjanji akan beriman kepada saya kalau ia mendapat kasutnya balik. Tetapi bagaimana saya hendak berbuat mukjizat kerana sepasang kasut?!

Membidas Pembesar-Pembesar Negeri

Setelah itu "Nabi Baharu" itu telah menunjukkan kepada saya beberapa naskhah majalah yang telah digunting dan dikeluarkan setengah daripada gambar-gambar yang terkandung di dalamnya, lalu berkata:

- Gambar-gambar yang saya gunting daripada majalah-majalah ini ialah gambar yang separuh telanjang dan gambar pembesar-pembesar Negeri yang terdiri berganding dengan perempuan-perempuan di dalam kedudukan yang tidak layak dan tidak manis. Saya telah gunting dan telah hantarkan kepada orang-orang yang empunya gambar-gambar itu sendiri dan saya telah kembarkan dengan surat yang tertulis di dalamnya ibarat ini:


"Pekerjaan yang demikian ini tidak layak bagi sebuah negeri yang beragamakan "Islam" dan berundang-undangkan "Quran!"

Sambil meletakkan majalah-majalah itu ia pun berkata:

Tuliskanlah perihal saya di dalam "al-Musawwar" bahawa

saya akan menentang dengan kerasnya akan golongan-golongan yang berakhlak buruk ini, sehingga Tuhan menzahirkan kebenaran dan meleburkan orang-orang yang hendak membanyakkan kejahatan.

-----\*-----\*



Inilah terjemahan surat di atas ini:

*Bismillah al-Rahman al-Rahim*

*Rahsia terjajahnya alam Islami ialah disebabkan tidak menjalankan kehendak hukum-hukum undang-undang agama Islam.*

*Yang demikian ialah kerana undang-undang agama ialah pakaian yang telah dipilih oleh Allah kerana hamba-hambaNya, maka apabila mereka melucut pakaian tersebut dan memakai pakaian (mengggunakan) undang-undang lain, sudah tentu mereka tidak akan dapat bergerak dalam angkatan kemajuan dan bertanding dengan umat-umat lainnya.*

*Dan keadaan inilah yang telah berlaku sekarang ini.*

*Menurut pendapat saya apabila umat-umat Islam menjalankan hukum-hukum Al-Quran maka tidaklah akan berlaku kerosakan dan penjajahan, bahkan kehormatan dan kemuliaan.*

*Saya bermohon kepada Tuhan supaya menunjukkan kita kepada jalan yang benar.*

*Tandatangan:*

*Rasulullah*

*Muhammad Abdul Latif*

*Peguam.*